

Modul PBD

1. (a) • Mengurangkan penggunaan plastik
• Menggunakan beg kitar semula
• Membawa bekas makanan sendiri
(b) • Menjimatkan penggunaan elektrik
• Menutup suis elektrik apabila tidak perlu
• Menggunakan alat jimat elektrik
(c) • Mengamalkan program kitar semula
• Mengasingkan bahan buangan
• Menggunakan sapu tangan atau tuala
(d) • Menjalankan aktiviti gotong-royong
• Menanam pokok bunga
• Menghentikan pembakaran sampah
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
2. • Mengurangkan pencemaran alam sekitar
• Menjamin keseimbangan ekosistem
• Persekitaran menjadi lebih bersih dan ceria
• Menjamin dan meningkatkan tahap kesihatan manusia
• Menjimatkan kos, sumber dan tenaga
• Kualiti udara segar dan nyaman
• Mengelakkan bencana alam daripada berlaku
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
3. (a) • Kualiti udara merosot
• Menyebabkan masalah jerebu dan hujan asid
(b) • Kualiti air terjejas
• Menjejaskan hidupan akuatik
(c) • Kerosakan kualiti tanah
• Menyebabkan hakisan tanah
(d) • Mengalami masalah pendengaran
• Menyebabkan tekanan emosi dan gangguan psikologi
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
4. • Membuang sampah ke dalam tong sampah
• Menghentikan aktiviti pembakaran secara terbuka
• Melaporkan kerosakan kemudahan awam
• Mengutip sampah yang bertaburan
• Mengadakan gotong-royong
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
5. (a) (i) Plastik / Kertas
(ii) Aluminium / Kaca
(b) • Menjimatkan penggunaan sumber asli
• Menjimatkan kos pelupusan sampah
• Mengelakkan pencemaran alam sekitar
(c) • Mengurangkan penggunaan plastik dan kertas
• Mengasingkan bahan buangan mengikut jenisnya
• Menyokong kewujudan kedai barangan terpakai
• Memberikan sokongan kepada kempen kitar semula
(d) Gembira kerana dapat menjaga alam sekitar daripada pencemaran yang dapat memberikan kesan kepada manusia dan alam sekitar.
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

6. (a) (i) Saya berfikir sebelum membuang sebarang alatan, pakaian atau barangan yang masih boleh diguna pakai.
(ii) Saya memikirkan kesan yang akan berlaku sekiranya saya membuang sampah di merata-rata tempat.
(b) (i) Saya membaiki alatan elektrik yang rosak supaya menjimatkan kos perbelanjaan untuk membeli alatan yang baharu.
(ii) Saya membaiki pulih alatan yang boleh digunakan untuk mengurangkan penggunaan sumber asli.
(c) (i) Saya membawa kotak bekal untuk membeli makanan di kantin untuk mengurangkan penggunaan beg plastik.
(ii) Saya berjalan kaki, menunggang basikal atau berkongsi kenderaan ke sekolah untuk mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor.
(d) (i) Saya menggunakan kertas yang masih boleh digunakan semula sebagai kertas kira-kira untuk mengelakkan pembaziran kertas.
(ii) Saya mendermakan pakaian lama kepada mereka yang memerlukan agar dapat meringankan beban mereka.
(e) (i) Saya mengumpulkan bahan buangan yang boleh dikitar semula untuk dihantar ke pusat kitar semula.
(ii) Saya mengolah bahan yang boleh dikitar semula untuk menghasilkan barangan yang baharu.

Power KBAT

1. • Kenderaan bermotor membebaskan pelbagai gas pencemar yang berbahaya kepada alam sekitar
• Pelepasan gas-gas pencemar menyebabkan pencemaran udara/ kualiti udara terjejas
2. • Bunyi bising kenderaan mengganggu penduduk setempat
• Pelepasan gas-gas pencemar menyebabkan masalah kesihatan seperti masalah pernafasan
3. • Setuju
• Perkongsian kenderaan akan mengurangkan jumlah gas-gas pencemar yang dibebaskan oleh kenderaan ke atmosfera
• Perkongsian kenderaan akan mengurangkan masalah alam sekitar yang lain seperti kesan rumah hijau dan penipisan lapisan ozon
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)